

BR1M Bukti BN Sudah Lama Praktik Konsep Negara Berkeadilan - Mustapa Bernama
15 Januari, 2012

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) membuktikan konsep negara berkeadilan yang telah lama dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan rakyat perlu bersyukur terhadap bantuan kerajaan itu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata hari ini merupakan hari bersejarah kepada penerima bantuan kerana kerajaan pusat telah menyampaikan bantuan kepada semua yang layak tanpa mengira fahaman politik.

"Mereka yang tercicir akan kita semak sehalusnya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan BR1M sebanyak RM500 seorang kepada 1,518 penerima bagi fasa pertama peringkat Parlimen Kota Bharu.

Mustapa berkata tidak pernah berlaku dalam sejarah kerajaan Pusat memberikan peruntukan bantuan yang jumlahnya begitu besar kepada rakyat yang berpendapatan kurang RM3,000 sekeluarga itu.

BR1M diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada pembentangan Belanjawan 2012 bagi membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Sementara itu, di SELANGOR, seramai 104,120 rakyat negeri itu bakal menerima lebih RM52 juta wang BR1M bagi fasa pertama yang akan dibayar bermula Ahad secara berperingkat hingga Sabtu ini, kata Timbalan Pengerusi BN Selangor Datuk Seri Noh Omar.

"Kita telah susun jadual di seluruh Selangor dan harap semua kawasan akan mengikut jadual supaya bayaran BR1M untuk fasa pertama boleh dibuat sebelum perayaan Tahun Baru Cina," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program penyampaian BR1M Negeri Selangor Fasa Pertama di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Khai Tee Pasir Penambang di Kuala Selangor.

Beliau berkata sehingga hari ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menerima sebanyak 352,810 permohonan daripada rakyat Selangor yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan.

Noh berharap pemohon yang masih belum menerima BR1M diminta bersabar menunggu giliran masing-masing berikutan lebih 200,000 baki borang permohonan sedang diproses oleh pihak LHDN.

Beliau berkata mereka yang gagal menerima bantuan itu boleh mengemukakan rayuan dengan mendapatkan borang rayuan yang disediakan di pejabat LHDN, pusat khidmat wakil rakyat BN dan pejabat pembangunan negeri persekutuan di kawasan masing-masing.

Dalam pada itu, Noh berkata penerima BR1M boleh menunaikan baucar RM500 masing-masing di mana-mana cawangan tiga bank terlibat dalam pengagihan BR1M iaitu Maybank, CIMB Bank dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Di MELAKA, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata hanya 43,000 daripada 120,000 permohonan didapati layak menerima bantuan itu, yang berjumlah RM21.5 juta.

Beliau berkata, pemberian BR1M itu membuktikan kerajaan BN mengotakan apa yang dijanjikan kepada rakyat dan menolak dakwaan pembangkang bahawa kerajaan hanya pandai berjanji dan tidak akan dapat mengeluarkan peruntukan besar bagi program itu.

"Bantuan ini merupakan satu tanggungjawab kerajaan bagi memastikan kehidupan dan kebajikan rakyat terjaga dan mereka seharusnya dapat menilai sendiri usaha kerajaan dan bersyukur dengan pemberian ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan BR1M kepada 1,248 penduduk Bukit Katil di sini.

Katanya, pengedaran wang bantuan tersebut akan dilakukan dalam dua sesi iaitu pagi dan petang dan berjalan serentak di seluruh negeri tersebut mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing.

Di PERLIS, kumpulan pertama seramai 1,081 penerima dari kawasan Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan disampaikan Anggota Parlimen Kangar, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad.

Radzi berkata mereka adalah antara 21,384 keluarga yang dipilih menerima BR1M fasa pertama membabitkan jumlah bantuan sebanyak RM10.69 juta yang diagihkan secara berperingkat sehingga 11 Feb ini.

Katanya, kumpulan terakhir bagi fasa pertama itu ialah penerima bantuan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Sanglang membabitkan 1,163 penerima manakala fasa kedua membabitkan sebanyak 19,220 keluarga dengan jumlah bantuan yang akan dikeluarkan sebanyak lebih RM9.6 juta.

Lebih 50,000 permohonan BR1M diterima dan ada permohonan yang masih belum diluluskan kerana kegagalan pemohonnya melengkapi borang yang diedarkan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640212>